



**By FARID WAHAB**  
faridwahab@thestar.com.my

SEPANG Municipal Council (MPSepang) is to erect a new headquarters as part of the council's 10th anniversary celebrations in Cyberjaya, Selangor.

The project comprises an 18-storey office tower with a gross floor area of 234,000 sq ft. It will also have a multi-storey parking complex, amphitheatre and a multipurpose hall.

MPSepang president Muhamad Shah Osmin said the new building is expected to be completed by Jan 9, 2027.

The council also has 100 staff members. The existing building, which was built in 2010, has only capacity accommodate a maximum of 50 staff members, he said.

Abul Husein said funds for the project would come from MPSepang's reserves and other sources.

The Sepang municipality was among rapid development and growth in the area in the past few years, he said.

The council's headquarters will be located next to the council's existing premises at Persiaran Semarak Api in

## Towering landmark for Sepang municipal council

RM129mil project slated to be completed by January 2027

The building will also have an amphitheatre, a multi-storey parking complex, a multipurpose hall and a multipurpose hall. The building will also have an amphitheatre, a multi-storey parking complex, a multipurpose hall and a multipurpose hall.



StarMetro report on April 9.

(Left) MPSepang officers towing away cars illegally parked in front of Dupuze shopping centre in Cyberjaya. — Courtesy of MPSepang

# Sepang council freezes asset purchase, hiring

Star  
30/9  
(Sepang)

Move to preserve cash flow until new headquarters completed

**By FARID WAHAB**  
faridwahab@thestar.com.my

SEPANG Municipal Council (MPSepang) has frozen the purchasing of new vehicles and moveable assets to preserve cash flow while awaiting the completion of its new headquarters, scheduled for January 2027.

Its deputy president Muhamad Shah Osmin said the council had also paused hiring for contract positions.

"Currently, all our vehicles are still in good condition.

"There is no need to replace assets such as furniture until the new headquarters is completed," he said after chairing the council's full board meeting.

StarMetro reported on April 9 that the new headquarters would be located next to the council's existing premises at Persiaran Semarak Api in



Muhamad Shah says the new headquarters costs RM129mil.

Cyberjaya, Selangor.

Costing RM129mil, it will comprise 18 storeys, with a gross floor area of 234,000sq ft, capable of housing 1,500 staff.

The new building will, among others, include a multistorey parking complex, multipurpose

hall and an amphitheatre. Muhamad Shah said piling works were completed and RM5.06mil had been paid to the contractor based on the progress made.

MPSepang was projecting a RM34mil budget deficit next year owing to increased spending on the project, he added.

The council was expecting to generate some RM232mil in revenue with RM266mil in total spending.

On a separate matter, Muhamad Shah said the hearing session for those who objected to the proposed revaluation of assessment tax rates has concluded.

The council received 7,000 objections and MPSepang was in the midst of reviewing the appeals.

On the issue of abandoned vehicles, Muhamad Shah said as

of Aug 31, a total of 1,458 vehicles had been towed in Sepang for various parking offences under local by-laws.

Of the figure, 87.4% or 1,275 vehicles were towed from Cyberjaya and sent to council depots located in Cyberjaya and Bandar Baru Salak Tinggi.

"There is a RM300 fee to release vehicles towed from Cyberjaya and RM150 from other locations," said Muhamad Shah.

Currently, he said three vehicles had yet to be claimed, adding that the owners had a year to claim their vehicles, after which the council would engage the Road Transport Department to initiate an ownership transfer to dispose of the vehicles.

Muhamad Shah also said a third depot was recently built in Dengkil and was expected to be operational soon.

By MEGAT SYAHAR  
megatsyahar@thestar.com.my  
(MPS)

## Groups opposing Batu Arang incinerator want S'gor govt to reject draft local plan

NON-GOVERNMENTAL organisations (NGOs) opposing a proposed RM4.5bil incinerator project in Batu Arang are urging Selangor government to reject Selayang Municipal Council's (MPS) Draft Local Plan 2030.

Jaringan Rawang Tolak Insinerator (JRTI) representative Abdul Hanan Abd Mokti said MPS was pressing ahead with amendments to the draft local plan to rezone the site from residential to heavy industrial, despite receiving over 4,000 objections to the rezoning.

"According to Section 14 of the Town and Country Planning Act 1976, any changes to the draft local plan requires MPS to conduct inquiries and hearings before approval.

"Despite MPS receiving 4,417 objections from local residents, housing developers and elected representatives, the council has proceeded with the rezoning.

"MPS had the option to keep the draft local plan unchanged or

modify it based on these objections, as stipulated in Section 15(1) of the same Act.

"However, it approved the plan without any changes, disregarding the community feedback.

"It is believed that the draft local plan is now awaiting final approval from the Selangor executive council," he said.

JRTI and two other NGOs are planning to hold a protest tomorrow in front of the MPS office in Batu Caves at 10am and are calling for public participation.

"We and our counterparts are deeply disappointed with MPS' decision and demand a thorough explanation for disregarding community objections.

"We also urge Selangor government to reject this draft local plan amendment," said Abdul Hanan at a press conference in

Bandar Tasik Puteri.

JRTI received a letter from the Gombak District Police refusing it permission to assemble, citing safety, location and traffic congestion concerns, given that the MPS building is along the main road and near residential areas.

In response, JRTI issued a statement saying the refusal contradicted subsection 14(1) of the Peaceful Assembly Act 2012.

"The police may only impose restrictions and conditions but cannot block the assembly if the notification complies with Sections 9 and 10 of the said law.

"Under the Peaceful Assembly Act 2012, the organiser is only required to notify the police at least five days prior to the assembly - which we did on Sept 13, giving two weeks notice.

"JRTI remains fully committed to ensuring that the protest will be peaceful and orderly."

On July 2, *StarMetro* reported that over 4,000 objection forms were submitted to MPS, opposing its plan to rezone land for the proposed mega incinerator project at Sultan Idris Shah Green Energy Park in Batu Arang.

The objection forms outlined key issues such as conflicts with Rawang's status as a heritage town, traffic hazards, health risks, odour and water pollution, soil instability and impact on property value.

In a *StarMetro* report on Aug 27, MPS president Shahman Jalaludin assured residents that the proposed incinerator project in Batu Arang would not commence before the relevant studies were carried out.

However, he said land rezoning for the project would have to be done prior to the studies.

THE STAR

30 SEP 2024

# A call to action to end rabies

9904  
30/9

LITTLE Awang was nipped when he was playing with a seemingly friendly stray dog that had approached him with a wagging tail. Unbeknown to the young Sarawakian, deadly viruses lurking within the dog's saliva had transferred to him. Days later, he began experiencing fever and muscle weakness – symptoms that were tragically misdiagnosed as a common flu. By the time rabies was suspected, it was too late.

Awang's story is a heartbreaking reminder of the silent killer that continues to plague South-East Asia, including Malaysia. According to the World Health Organisation, an estimated 59,000 people die from rabies annually, with the majority of cases occurring in Asia and Africa. In South-East Asia, the disease is endemic in several countries, including Malaysia, where an average of 10 to 15 human rabies cases are reported each year. The actual number of cases may be higher due to under-reporting and misdiagnosis.

The primary reservoir of rabies in Malaysia is stray dogs, which account for over 90% of human cases. Other animals, such as cats, monkeys and bats, can also transmit the virus, albeit less frequently. Rabies symptoms typically develop two to three months after exposure, but the incubation period can vary from a few weeks to several years. Initial symptoms may include fever, headache and



Photo: MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

muscle weakness, followed by more severe neurological manifestations such as confusion, hallucinations and hydrophobia (fear of water). Once symptoms appear, rabies is almost invariably fatal, highlighting the critical importance of preventive measures.

In Malaysia, the government has implemented various strategies to control rabies, including mass dog vaccination campaigns, stray dog control programmes and public education initiatives. However, challenges remain, particularly in ensuring adequate vaccination coverage in rural areas and addressing the issue of stray dog populations.

It is crucial to remember that rabies is a fatal disease, but it is entirely preventable through vaccination and post-exposure prophylaxis. Any animal bite, par-

ticularly from a dog or other mammal, should be considered potential rabies exposure requiring immediate medical attention. Washing the wound thoroughly with soap and water and seeking medical advice promptly can significantly reduce the risk of infection.

Pet owners have a vital role to play in rabies prevention. Ensuring their animals are vaccinated and avoiding contact with stray or wild animals are essential steps to protect both pets and the community. Responsible pet ownership, including spaying and neutering, can help reduce strays.

Ultimately, it is important to remember that animals infected with rabies are victims of the disease themselves. We should approach them with compassion and empathy, as well as support

humane solutions to control the disease and protect both animals and people.

World Rabies Day is marked annually on Sept 28 to remind us of the devastating impact of this disease, and the urgent need for concerted action. This year's theme, "Breaking Rabies Boundaries", emphasises a collaborative approach to addressing health threats at the human-animal-environment interface.

And it is not just for scientists and policymakers. By increasing public awareness, improving access to animal healthcare, strengthening rabies control measures, and fostering a compassionate approach towards animals, we can work towards eliminating this deadly disease from South-East Asia.

It is our collective responsibility to protect ourselves, our families, our communities, and the animals we share our world with, from the silent killer that is rabies. Let us not allow another Awang to become a victim of a preventable tragedy.

**DR JASMINE KHAIRAT**  
Senior lecturer (Virology)  
Microbiology & Molecular  
Genetics Programme  
Institute of Biological  
Sciences, Faculty of Science  
Universiti Malaya

THE STAR

30 SEP 2024

Tarikh:.....

84 30/9

# Impak besar lonjakan nilai ringgit



PERSPEKTIF  
WONG CHUN WAI

**P**enguatan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ternyata memberi impak besar terhadap keyakinan negara, sekaligus menyuntik rasa bangga dalam kalangan rakyat.

Ringgit Malaysia terus mencatatkan aliran meningkat, melonjak kepada paras tertinggi berbanding dolar AS sejak Mac 2022. Ia bukan sahaja mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di rantau ini, malah menunjukkan penguatan paling ketara di peringkat dunia bulan ini susulan penurunan kadar faedah yang besar oleh Rizab Persekutuan (Fed) AS.

Perjalanan negara dalam mengatasi cabaran dan mencapai pertumbuhan pesat, disokong ekonomi yang berkembang pada kadar terpacak dalam tempoh 19 bulan lalu telah menarik perhatian global.

Tidak dapat dinafikan kestabilan po-

litik negara di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim antara sebab utama kejayaan ekonomi Malaysia berbanding Thailand dan Indonesia yang mengalami kegawatan politik.

Baru-baru ini, ringgit naik kepada paras tertinggi dalam tempoh 30 bulan pada 4.1815 berbanding dolar AS. Ia ditutup 4.1230/1280 pada Jumaat lalu. Kini terdapat spekulasi ringgit boleh meningkat hingga RM4 berbanding dolar AS.

BMI, unit Kumpulan Fitch menyemak semula unjuran ringgit untuk akhir tahun daripada 4.55 berbanding dolar AS kepada 4.0, mencerminkan prestasi mata wang tempatan yang kukuh pada suku ketiga 2024. Selepas tempoh enam bulan, BMI turut mengunjurkan ringgit akan mengukuh sembilan peratus tahun depan, mencecah 3.55 berbanding dolar AS pada akhir 2025.

Prospeknya dilihat amat baik tetapi seperti kita tahu, ringgit sangat bergantung kepada faktor luaran terutama kepada trajektori kadar faedah Fed AS dan pertumbuhan ekonomi China yang merupakan rakan dagangan terbesar kita.

Dalam jangka sederhana akan sentiasa ada aktiviti pengambilan untung yang akan memberi kesan kepada kadar

kita, namun ia perkara biasa dan sihat untuk ekonomi. Tahun lalu, terdapat kebimbangan ringgit akan mencecah paras serendah RM5 berbanding dolar tetapi mata wang tempatan kini melonjak lebih 12 peratus berbanding dolar AS.

Walau apa pun kritikan dan keraguan dilemparkan terhadap Perdana Menteri kerana lewat melakukan pembaharuan serta berkompromi dengan kumpulan konservatif yang tidak mengundi beliau pada pilihan raya umum lalu, namun beliau berada di landasan betul.

Politik Malaysia kini stabil dan Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar dijangka terus kekal bertahan. Walaupun terdapat banyak gembur-gembur politik dan rakyat Malaysia sudah terbiasa dengan keadaan itu, lawannya perlu menunggu tiga tahun lagi untuk mencabar beliau.

*South China Morning Post* (SCMP) memetik Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid sebagai berkata - kestabilan membantu pelaksanaan dan penggubalan dasar yang lebih efektif, meningkatkan keyakinan terhadap ringgit.

Perkara itu turut mendapat perhatian *Reuters* menerusi laporan bertajuk *Malaysia shines as foreign investors re-*

*turn, peers stumble* (Malaysia menyerlah dengan kehadiran semula pelabur asing, rakan serantau hilang momentum).

Di peringkat tempatan, ketika kos sara hidup kekal menjadi kebimbangan utama kebanyakan rakyat Malaysia, kadar inflasi telah susut kepada 1.90 peratus pada Ogos daripada dua peratus (Julai 2024).

*Trading Economics* melaporkan kadar inflasi dijangka pada 1.50 peratus menjelang akhir tahun ini, sebagaimana berdasarkan model makro global dan unjuran penganalisis. Namun, lebih penting ialah jumlah pekerjaan suku pertama tahun ini meningkat 1.5 peratus kepada 8.94 juta, angka tertinggi sejak 2018, demikian menurut Statistik Guna Tenaga Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku pertama 2024.

Rakyat Malaysia kini menunggu laporan ekonomi tahunan dan Belanjawan 2025 yang bakal dibentangkan di Parlimen untuk mendapatkan gambaran serta idea lebih jelas dan terperinci mengenai apa yang disediakan untuk mereka.

\* Datuk Seri Wong Chun Wai ialah wartawan veteran yang pernah meraih anugerah dan berpengalaman lebih 40 tahun, juga merupakan Pengerusi Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: ..... 30 SEP. 2024 .....

# KKM disaran guna pakai sistem kompaun elektronik

**Kuala Terengganu:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disaran melaksanakan sistem pengeluaran notis kompaun elektronik sebelum menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang berkuat kuasa esok.

Presiden Kesatuan Inspektor Kesihatan Semanjung (KIKSM), Mohd Ruhaizie Riyadzi berkata,

kaedah pengeluaran notis saman secara bertulis sudah tidak sesuai digunakan.

Menurutnya, ini kerana semua agensi penguat kuasa lain sudah menggunakan kaedah pengeluaran notis kompaun dan saman secara elektronik.

"Kita juga mencadangkan KKM menambah baik imej termasuk pembaharuan pakaian seragam pegawai kesihatan persekitaran

(PKP) dan penolong pegawai kesihatan persekitaran (PPKP) yang bertanggungjawab melaksanakan akta itu. PKP dan PPKP sebagai pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan akta itu perlu berpakaian seragam dengan tanda nama, jawatan serta jaket (vest)," katanya.

Terdahulu, Mohd Ruhaizie bersama lebih 150 penunggang motosikal berkuasa tinggi mengedarkan

risalah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) sempena program Ukhwah Ride kepada pengunjung di Pasar Payang Satu di sini, kelmarin.

Mohd Ruhaizie berkata, cadangan penambahbaikan dibuat berdasarkan maklum balas orang ramai ketika mengadakan program Ukhwah Ride di Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Pahang dan Terengganu.

Berdasarkan maklum balas itu, katanya, KIKSM merangka strategi memperkasakan pelaksanaan akta berkenaan dengan mengemukakan saranan dan cadangan kepada KKM.

"Saranan itu mampu meningkatkan pelaksanaan penguatkuasaan akta secara cekap, efisien dan mencapai matlamat dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat di seluruh negara," katanya.



Kita juga mencadangkan KKM menambah baik imej termasuk pembaharuan pakaian seragam PKP dan PPKP sebagai pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan akta itu"

Mohd Ruhaizie Riyadzi

HARIAN METRO  
Tarikh: 30 SEP 2024

## Langkah progresif walau tak sempurna

**Kuala Lumpur:** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) adalah langkah progresif dalam usaha untuk mencegah kesan berbahaya tembakau serta produk rokok elektronik dan vape yang sekian lama berlaku.

Presiden Persatuan Alumni Manipal Malaysia Dr Koh Kar Chai berkata, walaupun akta itu tidak sempurna seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak namun sebagai pengamal perubahan beliau menyifatkan ia sememangnya satu langkah ke hadapan yang hebat.

Beliau memuji keberanian Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang beriltizam tinggi untuk merealisasikan Akta 852 itu.

"Terdapat kebimbangan penjualan vape kepada golongan bawah umur tidak akan disekat kerana kawalan nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun.

"Apa yang diperlukan sekarang ialah kempen kesedaran yang disasarkan bukan sahaja kepada masyarakat umum, tetapi kepada anak sekolah generasi kita yang semakin terdedah dengan produk vape.

"Visi untuk memastikan generasi akan datang bebas daripada tembakau dan produk merokok atau vape.

"Kempen kesedaran kemudian harus diikuti dengan penguatkuasaan ketat akta berkenaan. Kami berharap pihak berkuasa akan terus membanteras mereka yang melanggar akta itu dan tidak membiarkan aktiviti penguat-



*Apa yang diperlukan sekarang ialah kempen kesedaran yang disasarkan bukan sahaja kepada masyarakat umum tetapi juga kepada anak-anak sekolah generasi kita yang semakin terdedah dengan produk vape sejak kebelakangan ini"*

**Dr Koh Kar Chai**

kuasaan gagal," katanya.

Beliau mengulas mengenai KKM akan menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bermula 1 Oktober 2024.

Akta itu merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

Menurut KKM menerusi media sosial, peraturan dan perintah yang bakal dikuatkuasakan termasuk rokok elektronik.

Akta 852 diwartakan pada Februari lalu sehingga kini masih belum dikuatkuasakan walaupun pada mulanya diumumkan akan dilaksanakan pada Jun dan kemudiannya ditangguhkan pada Ogos.

Sebelum ini, Dr Dzulkefly berkata, langkah KKMewartakan Akta 852 bermula 2 Februari lalu adalah sejajar usaha untuk mengekang penggunaan produk tembakau dan mengurangkan kemudaratan akibat merokok.

HARIAN METRO  
Tarikh: 30 SEP 2024

# Pengenalan Akaun 3 KWSP tingkat belanja pengguna

Kenaikan gaji penjawat awam juga beri kesan besar aliran tunai pengguna

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Pengenalan** Akaun Fleksibel (Akaun 3) oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka menjadi pemangkin utama dalam peningkatan perbelanjaan pengguna di Malaysia, kata MIDF Research.

Akaun yang sudah diperkenalkan itu membolehkan ahli KWSP mengakses simpanan mereka pada bila-bila masa untuk sebarang tujuan, memberikan fleksibiliti yang belum pernah terjadi sebelum ini.

Menurut MIDF Research, ia dijangka membawa kesan besar kepada aliran tunai pengguna, seterusnya meningkatkan perbelanjaan isi rumah terhadap barangan keperluan dan bukan keperluan.

"Peningkatan aliran tunai ini akan memperkuat sektor peruncitan, khususnya dalam kalangan barangan pengguna bergerak pantas (FMCG) dan runcit," katanya dalam nota penyelidikan.

Akaun 3 membolehkan ahli KWSP mengeluarkan dana untuk menampung perbelanjaan harian seperti makanan dan perumahan.

"Ini memberikan kelegaan ke-



Pengenalan Akaun Fleksibel KWSP dijangka menjadi pemangkin meningkatkan perbelanjaan isi rumah pengguna.

wangan kepada ramai isi rumah, terutama yang terjejas oleh inflasi dan kos hidup yang tinggi," kata MIDF Research.

Sementara itu, tambahnya, kenaikan gaji penjawat awam yang dijangka bermula Disember 2024 akan mempercepatkan lagi peningkatan dalam perbelanjaan pengguna.

#### Perkukuh perbelanjaan runcit

Langkah itu akan memberi tambahan pendapatan boleh guna kepada sebahagian besar rakyat Malaysia, terutama dalam kalangan penjawat awam yang membentuk sebahagian besar tenaga kerja negara.

"Ini akan memperkukuhkan lagi perbelanjaan runcit, dengan lebih banyak dana dijangka disalurkan kepada perbelanjaan barangan serta perkhidmatan bukan keperluan," katanya.

MIDF Research turut menje-

laskan peralihan ini akan memberi manfaat besar kepada peruncit yang menawarkan barangan mewah dan perkhidmatan gaya hidup, seperti kedai makanan dan minuman kelas pertengahan hingga tinggi.

Mereka menjangkakan permintaan untuk makanan dan minuman berkualiti, pakaian berjenama serta perkhidmatan riadah akan meningkat.

Ini menandakan peralihan struktur ke arah tahap perbelanjaan yang lebih tinggi, terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang merubah corak perbelanjaan rakyat Malaysia.

Selain itu, pemulihan sektor pelancongan yang sedang berlaku turut memberikan rangsangan tambahan kepada pertumbuhan sektor runcit dan perbelanjaan pengguna.

Menurut data terkini daripada Tourism Malaysia, jumlah keti-

baan pelancong antarabangsa melonjak dalam separuh pertama 2024, terutama dari pasaran utama seperti India dan China.

Pelonggaran visa dan dasar kemasukan tanpa visa untuk warga negara India telah menjadi pemangkin utama kepada peningkatan ini.

Pada Januari hingga Jun 2024, Malaysia menerima 537,000 pelancong dari India, meningkat sebanyak 51.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2019.

Pelonggaran visa sejak Disember 2023 yang membenarkan warga negara India tinggal di Malaysia selama 30 hari tanpa visa, memberi dorongan besar kepada sektor pelancongan.

Sementara itu, jumlah pelancong dari China turut menunjukkan peningkatan, selain pelancong dari Singapura dan Indonesia yang terus mendominasi senarai ketibaan pelancong.

BERITA HARIAN  
Tarikh..... 30 SEP 2024

# Bajet dijangka fokus cukai progresif, elak GST demi rakyat

Langkah tingkat pendapatan kerajaan, kurang kebergantungan kepada dividen

Oleh Alzahrin Alian  
bhbiz@bh.com.my

Belanjawan 2025 dijangka akan memberi penekanan kepada langkah progresif dalam cukai seperti memperkenalkan Cukai Barangan Bernilai Tinggi (HVGT) dan Cukai Minimum Global (GMT), demikian mengikut TA Securities dalam nota penyelidikannya.

Katanya, langkah itu penting bagi membantu meningkatkan pendapatan negara tanpa memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), yang berpotensi memberi kesan negatif kepada golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, pelaksanaan e-invois secara lebih meluas dijangka bermula pada pertengahan 2025, membabitkan semua syarikat kecuali perusahaan kecil dan sederhana dengan pendapatan tahunan



kurang daripada RM150,000.

"Langkah ini, bersama dengan pengenalan HVGT dan GMT, dijangka menyumbang kepada peningkatan pendapatan kerajaan dan mengurangkan kebergantungan kepada dividen daripada PETRONAS, yang mungkin berkurangan berikutan perubahan hak minyak dan gas di Sarawak," katanya.

Berdasarkan unjuran TA Securities, kutipan hasil kerajaan dijangka meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM325.3 bilion pada 2025 berbanding RM307.6 bilion dalam Belanjawan 2024.

Peningkatan ini disokong oleh kutipan cukai yang lebih baik hasil pertumbuhan ekonomi yang pesat dan perluasan pelaksanaan e-invois.

Namun, Malaysia masih ketinggalan berbanding negara serantau dari segi kutipan hasil sebagai peratusan kepada KDNK.

Sebagai perbandingan, kutipan hasil Malaysia pada 2018 adalah 20.9 peratus daripada KDNK, tetapi ia terus menurun kepada 17.3 peratus dalam tempoh sedekad.

Ia dijangka menurun lagi kepada 15.6 peratus pada 2024, situasi ini memerlukan keperluan untuk memulihkan kekuatan kutipan hasil negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.

## Sumber pendapatan baharu

Dalam pada itu, TA Securities berkata, PETRONAS dijangka membayar dividen sebanyak RM30 bilion pada 2025, lebih rendah berbanding RM32 bilion pada 2024, berikutan perubahan dalam pemilikan hak minyak dan gas di Sarawak oleh Petroleum Sarawak Berhad (Petros).

"Situasi ini dijangka memberi impak kepada keuntungan PETRONAS, yang seterusnya memerlukan kerajaan untuk mencari sumber pendapatan baharu bagi menampung kekurangan itu," katanya.

TA Securities menjangkakan harga purata minyak mentah akan kembali kepada AS\$82 satu tong pada 2025, selepas sedikit penurunan pada 2024.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 3.0. SEP. 2024





**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**

UM 30/9

# Tangani masalah rasuah, salah laku penjawat awam

**P**ERINGATAN kepada semua ketua jabatan agensi awam agar segera melaksanakan pusingan kerja di kementerian atau jabatan masing-masing bermula Oktober atau akan dikenakan tindakan tatatertib perlu dilihat dari sudut yang positif dan sebagai keperluan penting dalam menjayakan agenda reformasi perkhidmatan awam.

Isu keperluan pusingan kerja dilaksanakan terutamanya di agensi yang sensitif sering menarik perhatian khalayak kerana berpotensi menyumbang kepada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Secara lazimnya, agensi penguatkuasaan kerap melakukan pusingan kerja membabitkan pegawai dan anggota supaya menjaga tahap integriti serta mencegah sebarang bentuk salah laku seperti rasuah dan salah guna kuasa.

Walaupun bagaimanapun arahan kali ini tidak terhad kepada agensi penguatkuasaan sebaliknya mencakupi semua jabatan kerajaan, justeru ketua jabatan perlu mengambil peluang ini untuk merombak dan menyusun semula kedudukan sumber manusia di agensi masing-masing secara menyeluruh supaya dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Secara umumnya, amalan pusingan kerja yang bijak, berstruktur dan ber sistematik akan memberikan banyak kelebihan dan manfaat baik kepada organisasi mahupun pekerja. Antara kelebihan praktis pusingan kerja di sesebuah jabatan kerajaan ialah dapat menggunakan sumber manusia yang ada secara optimum dengan menyusun mengikut keperluan, kemahiran dan pengalaman.

Secara prinsipnya setiap agensi, bahagian atau seksyen melaksanakan skop tugas yang berbeza dan ini memerlukan pegawai yang mahir dan berpengetahuan mengikut skop tugas terbabit, justeru melalui pusingan kerja kita dapat menempatkan pegawai mengikut kepakaran di tempat yang betul dan strategik.

Pusingan kerja juga membolehkan setiap organisasi meningkatkan kualiti dan kuantiti output atau produktiviti yakni membolehkan agensi kerajaan



**PUSINGAN kerja yang kerap khususnya membabitkan agensi yang sensitif akan membantu menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa secara lebih berkesan.**

memberikan perkhidmatan melangkaui jangkaan kepada anggota masyarakat. Ironinya, ekspektasi pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan sektor awam terus meningkat, maka penempatan pegawai yang betul dan berdedikasi membolehkan organisasi meraih manfaat yang besar di samping menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Organisasi juga dapat mengurangkan atau menangani masalah pembaziran sumber manusia. Hakikatnya, ada saja situasi di mana berlaku lebih pegawai di sesuatu bahagian sehinggalah individu itu hanya menjadi penumpang dan tidak memberikan sebarang sumbangan efektif kepada jabatan. Maka, melalui amalan pusingan kerja, kita dapat mengenalpasti individu seperti ini dan membuat penempatan semula agar dapat mengoptimalkan penggunaan sumber manusia yang ada.

Pusingan kerja yang kerap khususnya membabitkan agensi yang sensitif pula akan membantu menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa secara lebih berkesan. Ironinya, praktis ini akan memutuskan rangkaian perhubungan antara pegawai dengan mana-mana pihak yang cuba untuk mengambil kesempatan dan

